

## Kekurangan Kemudahan Penginapan Pelajar di Kolej Kediaman UKM: Berlaku Adilkah Terhadap Mahasiswa?

*Nik Hairi Omar, Roslee Rajikan, Ahmad Sunawari Long & Jamalullail Abdul Wahab*  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

### ABSTRAK

Kolej kediaman adalah perkhidmatan tempat tinggal yang disediakan oleh pihak universiti kepada para pelajar yang menyambung pengajian di universiti. Ia berperanan sebagai tempat tinggal serta tempat pembelajaran bagi pelajar sepanjang tempoh pengajian di universiti. Di sebabkan faktor enrolmen pelajar yang tinggi pada setiap sesi, kemudahan penginapan yang ditawarkan di 12 buah kolej kediaman di UKM didapati tidak mencukupi. Berdasarkan kemampuan sebenar kolej kediaman, hanya sekitar 43 peratus sahaja mahasiswa dapat diserap dan baki terpaksa menginap di luar kampus. Justeru persoalan utama yang dibangkitkan dalam artikel ini ialah bagaimanakah kolej-kolej kediaman melaksanakan dasar yang boleh dianggap adil di dalam pemberian kemudahan penginapan kepada pelajar? Sehubungan itu, objektif utama artikel adalah untuk membuat analisis terhadap jurang keperluan perumahan pelajar di UKM serta mengenalpasti strategi atau kaedah yang digunakan kolej-kolej kediaman di dalam membuat pemilihan untuk memberikan penginapan kepada pelajar. Kajian ini menggunakan maklumat dokumen dan rekod termasuk keputusan mesyuarat yang digunakan kolej-kolej kediaman serta bergantung kepada pengalaman para penulis sebagai Pengetua dan pentadbir kolej kediaman. Analisis mendapati kolej-kolej kediaman membuat tawaran penginapan kepada semua para pelajar sedia ada di kolej dan di luar kolej kediaman melalui sistem e-perumahan (*online*) atau dalam keadaan tertentu secara manual. Sementara bagi menjamin proses pemilihan yang adil, kolej-kolej kediaman menggunakan 4 strategi utama iaitu mewajibkan sistem merit/demerit aktiviti kolej; pemantauan rekod disiplin, kesalahan dan sahsiah pelajar; penyaringan berasaskan kepimpinan dan sumbangan kepada kolej/universiti; serta penggunaan budi bicara dan kekhususan khas Pengetua. Pendekatan yang digunakan ini dapat mengurangkan ketidakpuashatian pelajar dan memberikan jawapan yang telus kepada persoalan kegagalan mendapat kemudahan penginapan. Bagi tempoh jangka panjang adalah disarankan UKM menambah kemudahan penginapan pelajar bagi memberi jaminan lebih banyak pelajar dapat menghuni di dalam kampus.

**Kata Kunci:** Penginapan pelajar, kolej kediaman, perumahan, ketidakpuashatian, mahasiswa

### PENGENALAN

Penginapan pelajar di universiti dikenali dengan pelbagai nama. Di antaranya adalah kediaman pelajar, asrama, pangsapuri kampus, asrama pelajar, dewan kediaman dan perumahan pelajar (Nuzul, Siti Khadijah & Suhaila, 2017; Insch dan Sun, 2013; Sawyerr dan Yusof, 2013). Di UKM, kesemua unit penginapan pelajar di dalam kampus dikenali sebagai kolej kediaman. Secara

ringkas, kolej kediaman adalah perkhidmatan kemudahan tempat tinggal yang disediakan oleh pihak universiti kepada para pelajar yang menyambung pengajian. Dalam konteks ini, kolej kediaman berperanan sebagai tempat tinggal serta tempat pembelajaran bagi pelajar sepanjang tempoh pengajian di universiti.

Demi memastikan pelajar berasa selesa dan selamat semasa tinggal di kolej kediaman, pelbagai kemudahan disediakan pihak universiti dan kolej kediaman (Nuzul, Siti Khadijah & Suhaila, 2017). Misalnya di UKM, terdapat pelbagai kemudahan belajar di dalam kolej kediaman dan persekitaran kampus keseluruhannya seperti perkhidmatan wifi dan bas ulang-alik percuma, perpustakaan universiti, kemudahan bank dan pos, kawalan keselamatan, kemudahan untuk beriadah, beribadat, berpersatuan, mengadakan perbincangan akademik dan bukan akademik, beraktiviti di dalam kelab serta menikmati harga sewaan bilik dan makanan di kafeteria yang murah (Nik Hairi Omar & Jamalullail, 2018). Disebabkan terdapat pelbagai kemudahan dalam lingkungan kampus sama ada di kampus Bangi atau kampus Cheras dan Kuala Lumpur, majoriti pelajar UKM dianggap terlalu berharap untuk menghuni kolej-kolej kediaman. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan jumlah permintaan masuk ke kolej-kolej kediaman yang sangat tinggi pada setiap sesi atau semester. Secara kasar, dianggarkan 30-35 peratus pelajar UKM terpaksa menghuni luar kampus apabila gagal mendapat kemudahan kolej. Misalnya di Kolej Ungku Omar UKM terdapat anggaran sejumlah lebih 300 borang permohonan memasuki kolej melalui sistem e-perumahan dan permohonan borang manual terpaksa ditolak pentadbiran pada sesi 2017/2018 akibat ketidakupayaan kolej menyediakan kemudahan bilik kepada pelajar (Rekod permohonan e-perumahan sesi 2017/2018).

Berdasarkan statistik rasmi enrolmen di setiap universiti awam (UA) di Malaysia bagi tempoh 2015 sehingga 2017, kadar enrolmen di UA adalah tinggi. Dianggarkan enrolmen keseluruhan pelajar di seluruh UA bagi sesi pengambilan 2017/2018 adalah sekitar 302,444 orang (Kementerian Kewangan Malaysia 2017). Namun, di sebalik perkembangan drastik ini, pembangunan asrama atau kemudahan penginapan di UA didapati tidak berkembang se pantas pertumbuhan pelajar memasuki universiti. Misalnya bagi sesi 2017/18, terdapat sekitar 30-40 pelajar UA berada di luar kampus kerana kekurangan kemudahan hostel (Kementerian Kewangan Malaysia 2017). Di Kebanyakan UA, kemudahan penginapan di kolej kediaman tidak dijanjikan sepenuhnya kepada pelajar dan mereka terpaksa mencari alternatif perumahan luar kampus apabila tidak ditawarkan bilik-bilik akibat permintaan yang melebihi penawaran.

Di UKM, kesemua pelajar tahun pertama adalah wajib menetap di kolej kediaman, tetapi apabila menjelang tahun kedua dan ketiga pengajian, mereka bebas untuk menetap di luar universiti. Meskipun begitu, secara amnya majoriti pelajar terutama pelajar dari golongan miskin, jauh, OKU, kelompok marginal dan pelajar antarabangsa amat memerlukan kemudahan penginapan di dalam kampus. Meskipun terdapat beberapa kemudahan penginapan luar kampus yang turut disediakan universiti bagi kemudahan penyewaan seperti kediaman Idris Al-Marbawi (Bandar Baru Bangi) dan kediaman Taman Tenaga (Bangi Sentral), namun kediaman-kediaman ini juga adalah terhad jumlahnya, sedikit jauh dari kampus, tidak kondusif dan merupakan pilihan terakhir atau terpaksa bagi pelajar yang gagal ditawarkan kemudahan penginapan dalam kampus. Secara psikologi, pelajar-pelajar yang gagal mendapat kemudahan penginapan lazimnya merasa kecewa, terasing, terabai dan merasa dizalimi dari sudut kebajikan. Perkara ini dapat dilihat ketara di pelbagai media sosial rasmi dan tidak rasmi pelajar UKM seperti di facebook UKMpride, GMUKM, UKM*confession* dan lain-lain (Nik Hairi Omar & Jamalullail, 2018). Kekurangan kemudahan bilik di dalam kampus universiti adalah tidak kondusif kepada proses pembelajaran. Menurut Beudin dan Halpern (1997), pihak pentadbiran

universiti perlu melihat aspek petempatan atau perumahan pelajar sebagai sebahagian daripada misi pendidikan sesebuah universiti. Menurut mereka lagi, kepuasan pelajar terhadap sesebuah universiti secara menyeluruh adalah merangkumi pelbagai aspek seperti kecukupan infrastruktur pembelajaran serta sikap mesra pentadbiran dalam melayani keperluan dan hal ehwal pelajar.

## LATARBELAKANG MASALAH

Menurut peraturan perumahan pelajar yang tercatat di bawah Arahan Kolej Kediaman UKM (1990), perkhidmatan asrama hanyalah satu kemudahan kepada pelajar (AKK1990). Peraturan ini secara tersirat bermaksud para pelajar tidak boleh mendakwa mereka mempunyai hak mutlak untuk mendapatkan kemudahan penginapan atau bilik pada setiap sesi pengajian di kolej-kolej kediaman. Pentadbiran kolej kediaman atau universiti sebaliknya mempunyai hak untuk menawarkan atau tidak menawarkan kemudahan penginapan berdasarkan kapasiti dan kekosongan ruang yang ada. Peraturan ini dibuat sedemikian rupa memandangkan kemudahan penginapan yang ada adalah sangat terhad baik bagi kampus induk Bangi mahupun kampus Cheras dan Kuala Lumpur.

Walaupun begitu, seperti ditegaskan di awal kertas ini, UKM mewajibkan kesemua pelajar tahun pertama menetap di dalam kampus dan hak mereka semasa di tahun pertama adalah dijamin kukuh. Hanya selepas satu sesi pengajian, para pelajar boleh memohon untuk tinggal sama ada di dalam kolej kediaman atau di luar kampus. Sekiranya kolej kediaman gagal menawarkan kemudahan kepada pemohon kerana ketiadaan kemudahan, maka para pelajar ini terpaksa mencari kemudahan alternatif di luar kampus.

Di persekitaran kampus induk UKM di Bangi, para pelajar yang menetap di luar kampus kebiasaannya menetap di asrama luar kampus iaitu asrama Taman Tenaga UKM dan asrama Idris Al-Marbawi di Bandar Baru Bangi serta kawasan perumahan berdekatan UKM seperti perkampung Sungai Tangkas, Kg. Sungai Buah, Kg. Teras Jernang, Kajang Utama, Sg. Chua, Bandar Baru Bangi, Semenyih dan lain-lain. Bagi kampus Kuala Lumpur yang merupakan kawasan metropolitan, UKM turut menyediakan premis kediaman luar di Plaza Rah dengan kadar subsidi melebihi RM4 sehari. Pada tahun 2015, keputusan telah diambil pentadbiran Kolej Tun Syed Nasir (KTSN) dan universiti untuk tidak meneruskan sebahagian penyewaan premis di Plaza Rah kerana kos yang semakin meningkat dan subsidi yang besar.

Jadual 1.1 memperlihatkan keupayaan maksimum terkini kolej-kolej kediaman di UKM menawarkan kemudahan penginapan kepada pelajar iaitu berjumlah 14,933 orang sahaja. Berdasarkan jadual, kolej yang paling kecil keupayaan pengambilan adalah KDO dan KIZ berjumlah 613 dan 615 pelajar bagi setiap sesi. Berdasarkan data empat sesi pengajian di UKM iaitu bagi sesi 2015/2016 sehingga sesi 2018/2019 (rujuk Jadual 1.2), didapati bilangan enrolmen pelajar UKM pada sesuatu masa adalah tinggi dengan potensi peningkatan pengambilan baru setiap tahun. Misalnya jumlah enrolmen keseluruhan bertambah daripada 28,026 (sesi 2015/2016) kepada 29,427 (sesi 2016/2017) dan seterusnya 31,228 (2018/2019) (Kementerian kewangan Malaysia, 2017; dan Anggaran Bahagian Akademik UKM, 2018).

**Jadual 1.1: Kapasiti dan keupayaan kolej-kolej kediaman UKM**

Bil	Kolej kediaman	Singkatan	Kapasiti penghuni	Peratus
1	Kolej Dato Onn	KDO	613	4.11
2	Kolej Tun Hussein Onn	KTHO	705	4.72
3	Kolej Aminuddin Baki	KAB	970	6.50
4	Kolej Ungku Omar	KUO	1014	6.79
5	Kolej Burhanuddin Helmy	KBH	768	5.14
6	Kolej Rahim Kajai	KRK	814	5.45
7	Kolej Ibrahim Yaakub	KIY	901	6.03
8	Kolej Pendeta Za'aba	KPZ	2835	18.98
9	Kolej Keris Mas	KKM	2625	17.58
10	Kolej Ibu Zain	KIZ	616	4.13
11	Kolej Tun Syed Nasir	KTSN	1666	11.16
12	Kolej Tun Dr Ismail	KTDI	1406	9.42
<b>JUMLAH</b>			<b>14,933</b>	<b>100.00</b>

(Sumber: Data e-perumahan pelajar UKM, 11 Julai 2018)

Berdasarkan kadar pengeluaran graduan sekitar 18-20 peratus setiap sesi dan anggaran kemampuan kolej-kolej kediaman menyerap sekitar 14,933 penghuni pada sesuatu masa, jangkaan kasar keperluan tambahan kemudahan penginapan pelajar UKM adalah amat besar iaitu melebihi 80 peratus (rujuk kolom (d)). Ia adalah berasaskan andaian kesemua pelajar memerlukan kemudahan bilik.

**Jadual 1.2: Enrolmen pelajar UKM menurut sesi pengajian dan anggaran kasar keperluan penginapan**

Bil	Sesi	Jumlah keseluruhan enrolmen (a)	Enrolmen baru (b)	Graduan dikeluarkan menurut sesi (c)	Perbezaan enrolmen – graduan dikeluarkan (d) = a+b-c		Keupayaan penginapan kolej kediaman sedia ada (e)	Anggaran kasar keperluan tambahan penginapan (f) = d-e	
					Bil	%		Bil.	%
1	2015/2016	28,026	6,275	5,895	24806	82.81	14,933	13,487	47.48
2	2016/2017	29,427	6,589	6,189	29,827	82.81	14,933	14,908	50.00
3	2017/2018	30,898	6,918	6,498	31,318	82.81	14,933	16,399	52.36
4	2018/2019*	31,228	7,102	6,520	31,180	82.94	14,933	16,891	53.09

Sumber: diubahsuai dari Kementerian kewangan Malaysia, 2017.

([http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/maklumat\\_bajet\\_kerajaan/2017/b64.pdf](http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/maklumat_bajet_kerajaan/2017/b64.pdf))

\* Berpandukan anggaran Bahagian Pengurusan Akademik UKM, 2018.

Walaupun demikian, jika diandaikan hanya sejumlah kecil iaitu sekitar 22 peratus sahaja daripada populasi mahasiswa sepenuh masa di peringkat sarjana dan 75 peratus sarjanamuda berminat menetap di dalam kampus, masih terdapat sekitar 3,375 - 5,395 mahasiswa UKM memerlukan kemudahan penginapan pada setiap sesi (Rujuk Jadual 1.3). Jumlah ini adalah amat tinggi di mana ia hampir menyamai saiz penempatan pelajar di dua atau buah kolej kediaman sedia ada.

Jadual 1.3: Anggaran bersih keperluan penginapan berasaskan andaian 22:75 peratus

Bil	Sesi	Enrolmen pelajar siswazah (anggaran) 30% (g)	Enrolmen pelajar pra siswazah (anggaran) 70% (h)	Anggaran penginapan (dengan Andaian):				Anggaran keperluan penginapan tambahan (bersih) (L) = k- e
				hanya 22% pelajar siswazah perlukan penginapan (i)	75% pelajar pra siswazah perlukan penginapan (j)	JUMLAH (k) = i + j		
				Bil.	%			
1	2015/2016	8,521	19,884	1,960	14,913	16,873	59.4	3,373
2	2016/2017	8,948	20,879	2,053	15,659	17,717	59.4	4,217
3	2017/2018	9,391	21,923	2,160	16,441	18,602	59.4	5,103
4	2018/2019	9,543	22,267	2,194	16,700	18,895	59.4	5,395

Keperluan penginapan yang tinggi berbanding keupayaan kolej-kolej kediaman yang terhad ini menimbulkan persoalan tentang bagaimana kolej-kolej kediaman melaksanakan dasar pengagihan penginapan kepada para pelajar mereka pada setiap sesi. Adakah kolej-kolej kediaman mempraktik pendekatan yang adil dan dapat diterima para pelajar terutamanya pelajar yang gagal ditawarkan kemudahan penginapan? Dalam ertikata lain, bagaimanakah kolej kediaman mewujudkan sistem yang adil untuk memastikan pelajar dapat bersaing secara saksama untuk merebut peluang tinggal di dalam kampus yang terhad? Artikel ini akan meneliti kriteria yang digunakan oleh kolej-kolej kediaman di dalam membuat keputusan pemilihan tersebut.

Keperluan analisis ini dibuat adalah untuk memberi kefahaman mengenai masalah kekurangan kemudahan penginapan kepada pelajar dan risiko menginap di luar kampus yang perlu dihadapi semua pelajar yang memasuki UKM. Risiko ini telah dilalui sekian lama oleh pelajar UKM dan akan terus wujud di masa hadapan. Namun sehingga kini tidak terdapat penjelasan terperinci kaedah-kaedah yang digunakan oleh pengurusan kolej di dalam proses menyaring dan memilih pelajar.

## OBJEKTIF

Mengenalpasti pendekatan atau kaedah yang digunakan oleh kolej kediaman di dalam penawaran kolej kediaman kepada pelajar dan merumuskan sejauhmana pendekatan ini boleh dianggap adil kepada pelajar.

## METODOLOGI

Terdapat beberapa sumber maklumat dirujuk dalam penulisan ini. Antara sumber maklumat utama adalah statistik prestasi aktiviti UA berdasarkan kadar enrolmen pelajar yang dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) 2017. Data utama yang dirujuk bagi tujuan ini adalah data bilangan enrolmen pelajar, bilangan pengambilan baru dan bilangan graduan dikeluarkan bagi tempoh 2015, 2016 dan 2017. Selain itu, data lain yang dirujuk dalam artikel adalah statistik keupayaan 12 buah kolej kediaman UKM menampung penginapan yang diperolehi melalui sistem e-perumahan UKM yang dikendalikan oleh Pusat Khidmat Siswa serta boleh diakses oleh pentadbir kolej kediaman.

Sementara itu, sumber rujukan bagi kaedah atau strategi (kriteria) yang digunakan oleh kolej-kolej kediaman di dalam membuat pemilihan pelajar sama ada menawarkan atau tidak menawarkan penginapan adalah berdasarkan keputusan-keputusan bersama yang dicapai menerusi mesyuarat Kepengetuaan, Mesyuarat Felo, Mesyuarat MEP dan Mesyuarat HEPA yang berkaitan. Selain itu, para penulis artikel ini juga menggunakan pengalaman peribadi kerana kesemuanya sedang dan pernah melalui tanggungjawab berkaitan kepengetuaan sama ada selaku TNCHPEA, Pengetua dan Timbalan Pengetua.

## PERBINCANGAN

### Pendekatan atau strategi yang adil dalam penawaran kolej kediaman

Berdasarkan penelitian dan pengamatan menyeluruh terhadap maklumat dari petikan mesyuarat, perbincangan dan amalan yang dilaksanakan setiap sesi, terdapat beberapa pendekatan yang boleh disimpulkan adil dan saksama dijalankan kepengetuaan kolej di dalam menapis dan menawarkan kemudahan penginapan pelajar. Antaranya adalah:

#### (1) *Tawar-menawar meminimumkan jumlah pengambilan pelajar baru*

Strategi ini adalah satu kaedah yang dijalankan menerusi mesyuarat khas Pengambilan Pelajar yang dikendalikan di bawah HEPA UKM. Menerusi mesyuarat ini yang dihadiri sendiri oleh para Pengetua, terdapat strategi di mana kolej-kolej kediaman berusaha menetapkan had yang minimum pengambilan pelajar baru (new intake) pada setiap sesi. Ia adalah strategi yang diharapkan supaya tidak ramai mahasiswa tahun kedua dan ketiga dapat dikeluarkan dari kolej kediaman. Menurut sifir mudah, apabila sesebuah kolej kediaman mengambil keputusan mengambil 400 pelajar baru, ia bererti sejumlah 400 pelajar sedia ada perlu meninggalkan kolej untuk memberi laluan kepada pelajar baru. Daripada jumlah ini, terdapat kemungkinan antara 40-70 peratus pelajar sedia ada sedang di tahun akhir dan bakal bergraduasi. Oleh itu hanya sejumlah kecil antara 30-60 peratus bakinya sahaja yang bakal dikeluarkan. Misalnya jika 400 pelajar KUO bakal dikeluarkan untuk pengambilan baru dan rekod menunjukkan 60 peratus daripada jumlah ini merupakan pelajar yang akan bergraduasi, maka hanya sejumlah 240 pelajar sedia ada akan dikeluarkan daripada kolej kediaman. Pelajar-pelajar ini tidak dapat ditawarkan kemudahan kerana ruangnya diambil pelajar baru.

Melalui strategi tawar-menawar ini, risiko seseorang pelajar dibuang kolej di sesebuah kolej kediaman akan dapat dikurangkan. Sebagai contoh, sekiranya KUO berjaya menetapkan pengambilan hanya 300 pelajar baru pada setiap sesi, dan sekitar 60 peratus daripada jumlah ini adalah pelajar bakal bergraduasi, maka KUO hanya perlu mengeluarkan 180 pelajar sahaja berbanding 240 pelajar jika ia mengambil pada jumlah 400 pelajar baru. Dapat dilihat bahawa strategi ini adalah strategi peringkat tinggi dan bersifat teknikal. Kejayaannya adalah bergantung kepada respon kolej-kolej lain dan perundingan yang dicapai. Secara amnya strategi ini bersifat luwes atau fleksibel dan kolej-kolej kediaman selalunya tidak mempunyai pilihan yang kukuh untuk mempertahankan jumlah yang diinginkan. Hal ini disebabkan had pengambilan pelajar baru ditetapkan oleh pihak UPU dan universiti dan kolej hanya bertanggungjawab menerima dan menempatkan pelajar. Disebabkan sifatnya yang teknikal, strategi ini juga tidak bersifat mendalam iaitu menjamin berlakunya proses pembuangan yang adil. Namun demikian nisbah pelajar yang diambil amat mempengaruhi kualiti keputusan lain

berkaitan penyingkiran pelajar seperti penentuan kadar titik (cut point) dalam sistem merit. Pada pengamatan penulis juga, strategi ini dijalankan secara *latent* oleh para pengetua kolej dan kerap kali terjadi sikap bertolak ansur berdasarkan perkadaran peratus yang sesuai menurut kapasiti muatan kolej. Kelazimannya kolej yang besar perlu mengambil lebih ramai.

**(ii) Pelaksanaan sistem merit aktiviti pelajar kolej kediaman**

Sistem merit aktiviti pelajar adalah kaedah yang paling popular dan diamalkan semua kolej kediaman UKM. Sistem ini telah dilaksanakan sejak sekian lama dengan pelbagai nama seperti sistem kad aktiviti kolej. Penggunaan sistem merit yang lebih terkini dikesan digunakan oleh KIZ sekitar tahun 2008. KIZ boleh dianggap sebagai pelopor utama sistem merit aktiviti kolej kediaman yang mana ia memberikan merit atau markah tertentu kepada pelajar yang terlibat secara aktif di dalam kegiatan yang dijalankan oleh kolej kediaman, universiti dan sesetengahnya fakulti serta kelab dan persatuan. Prinsip utama dalam sistem merit ialah untuk menilai prestasi ahli secara berkesan. Sesebuah kolej kediaman pada prinsipnya mahukan para pelajar yang cerdas dan aktif dan bukan semata-mata pelajar yang cerdas tetapi pasif dan enggan terlibat dalam pelbagai kegiatan yang menyumbang kepada peningkatan kemahiran insaniah. Melalui sistem merit, kualiti kerja, penugasan, tingkah laku dan tanggungjawab seseorang individu dapat dipertingkatkan kerana individu dilatih untuk terlibat di dalam aktiviti secara serius. Para pelajar bergiat dalam aktiviti di pelbagai peringkat dan kapasiti seperti peringkat dalaman kolej dan universiti, di luar universiti dan luar negara dengan saiz penyertaan serta impak aktiviti yang berbeza. Ia berselari dengan matlamat pengendalian ICGPA di peringkat universiti.

Menerusi sistem merit aktiviti kolej, merit pelajar akan dihitung dari masa ke semasa dan dipaparkan kepada pelajar pada setiap semester. Satu nilai yang muktamad (cut point) akan diputuskan pada penghujung semester bagi memilih pelajar aktif dan menyumbang secara signifikan kepada pembangunan insaniah dirinya sendiri dan kolej kediaman atau universiti mereka. Pelajar-pelajar yang mendapat merit yang rendah biasanya akan dikeluarkan terlebih dahulu daripada kolej kediaman apabila berlaku permintaan melebihi penawaran.

Proses mengasingkan pelajar aktif dan berkemahiran insaniah tinggi dengan pelajar yang pasif dan rendah merit adalah kaedah yang paling saksama dan paling mudah digunakan serta dapat diterima baik pelajar. Nilai merit yang muktamad hanya dapat ditentukan pada setiap hujung semester dan sesi dengan bersandarkan jumlah pengambilan pelajar baru yang wajib diambil oleh kolej-kolej kediaman atau kekosongan penginapan yang ada. Oleh itu nilai muktamad merit ini bersifat boleh lentur dan skor pelajar di antara kolej-kolej boleh berbeza-beza. Sebagai contoh, KUO mengenakan nilai *cut point* pada kadar 180 mata merit untuk penempatan pelajar lelaki pada sesi 2018/2019 sementara 151 mata merit kepada pelajar perempuan. Penetapan nilai ini bukan sahaja bersandarkan bilangan pengambilan pelajar baru seramai 400 orang di KUO tetapi juga disebabkan taburan penginapan pelajar lelaki dan wanita sangat berbeza. Di KUO, sekitar 68 peratus adalah pelajar perempuan menjadikan skor markah minimum merit mereka lebih kecil kerana persaingan penginapan yang rendah.

Secara ringkas, sistem merit berfungsi sebagai satu teknik modifikasi tingkah laku yang digunakan kolej kediaman untuk mengasah bakat pelajar dalam pelbagai bidang seperti kepimpinan, kreativiti, inovasi, semangat berkumpulan dan kemahiran menyelesaikan masalah. Sebagai ganjaran, pelajar aktif diberikan kemudahan tempat tinggal dan kriteria lain seperti bilik yang lebih dihadapan dan berdekatan kemudahan. Sistem merit sebagai ganjaran

galakan kemudahan seperti ini adalah satu bentuk token ekonomi (Miltenberger 2001). Ia adalah antara teknik modifikasi tingkah laku positif dan mengurangkan tingkah laku negatif serta menjadi alat peneguhan untuk membentuk dan mengubah tingkah laku.

Setiap kolej di UKM mempunyai nama-nama sistem merit tersendiri antaranya adalah Sistem Merit Rahim Kajai (SEMARAK), Sistem Z-Point Zaaba (Z-Point), Sistem Merit KUO dan Sistem Merit KTHO. Terdapat juga kolej kediaman yang telah melaksanakan sistem merit melalui kaedah Teknologi Maklumat seperti sistem eMerit KTHO yang membolehkan akses dan pemantauan rekod sepanjang masa dan menjamin pelaksanaan yang transparan kepada semua pihak. Dari segi pelaksanaan, terdapat tata kelola pengendalian merit di mana ia bermula dari proses merancang aktiviti dalam kumpulan, mendapatkan kelulusan dan sokongan Majlis Eksekutif Pelajar, Sokongan Felo, Timbalan Pengetua dan Pengetua Kolej. Secara umumnya, Pengetua bertanggungjawab kepada sistem merit dan memutuskan nilai cut point yang akan digunakan pada penghujung semester atau sesi. Pelaksanaan dan pengurusan sistem merit biasanya dikawal oleh Timbalan Pengetua dan dikendalikan menerusi Majlis Felo UKM dan Felo kolej kediaman.

### **(iii) Pemantauan rekod disiplin, kesalahan dan sahsiah**

Kolej kediaman turut melaksanakan pemantauan rekod disiplin, kesalahan dan sahsiah pelajar sebagai asas penting dalam menawarkan kemudahan tempat tinggal di kolej. Penekanan utama kepada pemantauan rekod di atas adalah bagi menjamin pembentukan tingkahlaku yang baik dalam kalangan warga penghuni. Semua penghuni kolej kediaman adalah tertakluk kepada Peraturan yang ditetapkan di bawah Arahan Kolej-Kolej Kediaman (Pindaan 1990) yang memerlukan mereka menjaga tata kelakuan dan tidak terlibat dengan kesalahan yang membolehkan denda. Secara amnya pelajar yang didenda dengan nilai melebihi RM50.00 boleh dianggap mempunyai rekod kesalahan dan mengakibatkan kolej kediaman kurang berminat mengambil mereka selaku penghuni. Terdapat lebih daripada 40 jenis kesalahan digariskan di bawah AKK90 antaranya termasuklah kesalahan membawa peralatan elektrik yang dilarang, membawa pasangan berlainan jantina, memasak dalam bilik, membawa setinggan, tinggal melebihi had, menukar kunci tanpa kebenaran, menukar bilik tanpa kebenaran, merosakkan dan memecahkan perabot, bedua-duaan lelaki dan wanita di dalam bilik atau dikawasan gelap, berpakaian tidak senonoh, membuat bising melebihi waktu, meletakkan kenderaan sesuka hati dan sebagainya.

Bagi sesetengah kolej, terdapat salah laku teruk seperti bergaduh dan bertumbuk yang boleh membawa kepada tindakan buang kolej. Kesalahan-kesalahan kecil adalah dimaafkan dengan denda ringan tetapi kesalahan besar dan serius boleh dikenakan tatatertib. Di dalam sistem perumahan pelajar, kesemua kesalahan yang didenda adalah direkodkan dan ia sering menjadi rujukan kepada kolej semasa menawarkan kemudahan asrama ini. Selain rekod disiplin dan kesalahan fizikal di bilik dan dalam persekitaran kuliah, kolej juga melaksanakan pemantauan melalui media sosial khususnya melalui akaun facebook KUO ADUAN. Para pelajar yang tidak menjaga tatasusila di media sosial seperti mengkritik dengan bahasa dan niat yang buruk kepada rakan dan pentadbiran universiti, memaparkan gambar-gambar yang tidak beretika, mempromosi amalan yang tidak beretika dan seumpamanya turut disenarai hitam dan tidak diberi keutamaan penginapan. Walaupun begitu amalan berbincang dan kritikan positif di media sosial adalah digalakkan dalam kalangan pelajar. Kolej-kolej kediaman

mempunyai felo dan ahli MEP bagi tujuan pemantauan tingkahlaku berkaitan disiplin, salah laku dan di media sosial.

**(iv) Kepimpinan organisasi dan sumbangan kepada universiti**

Kolej-kolej kediaman adalah pentas mengasuh dan melahirkan generasi pemimpin masa hadapan. Dengan sumber kewangan yang mencukupi untuk bergiat di dalam pelbagai lapangan aktiviti pelajar, kolej-kolej menjadi pusat utama melahirkan para pemimpin. Kumpulan utama dalam kepimpinan pelajar kolej adalah Ahli Majlis Eksekutif Pelajar (MEP). Mereka boleh diibaratkan sebagai orang tengah kepada pentadbiran kolej dengan pihak pelajar dan merupakan pemimpin utama di peringkat kolej yang menjuarai isu-isu pembangunan pelajar, kebajikan dan hal-ehwal berkaitan pentadbiran. Kumpulan MEP adalah kelompok utama yang dijamin memperoleh tempat penginapan dan kebiasaannya ahli MEP akan kekal berada di kolej kediaman walaupun sudah tidak memegang jawatan setelah tempoh satu sesi. Ia adalah bagi membalas jasa dan sumbangan mereka ketika pernah memimpin sesuatu jawatan.

Selain Ahli MEP, kelompok lain yang dijamin memperoleh tempat tinggal adalah pelajar yang bergiat aktif, terutamanya yang memegang jawatan penting dalam sekretariat dan persatuan di peringkat kolej, peringkat fakulti dan persatuan lain seperti Anak Negeri dan NGO. Kebiasaannya Ketua Pengarah dan EXCO akan dikekalkan di kolej kediaman memandangkan kepentingan jawatan mereka dalam membimbing pelajar dan persatuan.

**(v) Budibicara dan kekhususan khas: OKU, B40, golongan marginal, situasi khas, pelajar antarabangsa dll**

Selain di atas, satu lagi faktor penting yang mempengaruhi penawaran tempat tinggal pelajar di kolej kediaman adalah faktor budibicara Pengetua kolej. Para Pengetua di atas kapasiti dirinya sebagai ketua PTJ dan pihak yang sangat dekat kepada pelajar kebiasaannya menghadkan sekitar 10 peratus atau lebih ruang bilik yang ada di kolej kediaman untuk dikhaskan kepada beberapa golongan berikut iaitu:

- a. Golongan OKU – kesemua pelajar OKU tanpa mengira etnik, agama, tahap ijazah, negara, fakulti dan sebagainya adalah sah diambil dan malah diberi keutamaan di semua kolej. Secara prinsipnya kesemua kolej mempunyai bilik-bilik khas OKU dan sekiranya ia penuh, akan dihantar ke kolej paling berdekatan melalui rundingan sesama pengetua. Kolej-Kolej yang menempatkan OKU pada masa kini terutamanya adalah KUO, KDO, KTHO, KPZ dan KAB.
- b. Anak orang miskin dan daif - Penafsiran terhadap kelompok golongan miskin dan daif adalah luas termasuklah juga kumpulan termiskin, B40 dan M40 yang mana berkaitan. Para pengetua secara prinsipnya akan memberi keutamaan kepada pelajar yang didapati mempunyai latar belakang miskin dan daif berdasarkan borang dan maklumat yang dirujuk. Terdapat kecenderungan pelajar meraih simpati para pengetua dan pentadbiran kolej dengan memaklumkan keadaan kedaifan keluarga. Kolej seperti KPZ mengambil kepedulian tinggi terhadap pelajar miskin dan daif dengan memberikan penginapan percuma melalui bilik asnaf yang diwaqafkan tanpa mengira latarbelakang etnik dan

agama. Pengetua kolej lazimnya mengadakan tinjauan, sosalselidik, temubual dan merujuk bukan hanya kepada pelajar berkenaan bagi memperoleh maklumat pelajar miskin dan daif tetapi juga melalui rakan sebaya mereka dan ahli MEP.

- c. Golongan marginal dan jauh di pedalaman atau negeri jauh – meliputi pelajar dari kesemua negeri terutama dari kawasan pedalaman dan sebatang kara.
- d. Pelajar antarabangsa – iaitu kelompok pelajar luar negara terutamanya pelajar yang masuk menerusi PHA di mana terdapat keperluan mematuhi MoU antara universiti-universiti terlibat.
- e. Pelajar yang beriltizam untuk berubah dan lebih berjaya – iaitu penawaran untuk pelajar kes khas yang bermasalah disiplin dan tidak aktif yang merayu mendapatkan kemudahan asrama dan diminta membuat akujanji menjadi pelajar yang aktif dan positif.

## RUMUSAN

Kekurangan asrama untuk kemudahan para pelajar di UKM adalah perkara yang serius dan ia bukanlah sesuatu yang mengembirakan pelajar dan pengurusan kolej. Namun, di sebalik isu penginapan yang terhad, kolej-kolej kediaman perlu melaksanakan dasar yang adil dan saksama di dalam memilih pelajar. Oleh itu, langkah-langkah yang diambil semua kolej di dalam memutuskan penempatan pelajar senior adalah mengutamakan pelajar yang aktif, cerdas, berkelakuan baik dan boleh memberi sumbangan positif kepada usaha-usaha pembangunan kepimpinan di peringkat kolej. Di dalam memperoleh hasil terbaik, mekanisme yang digunakan adalah seperti merunding had yang minimum dalam pengambilan pelajar baru, melaksanakan sistem merit aktiviti, pemantauan rekod disiplin dan sahsiah, mengutamakan pelajar berpersatuan dan menggunakan kuasa budibicara khusus.

## RUJUKAN

Nuzul Akhtar Baharudin, Siti Khadijah Rusli & Suhaila Nadzri. 2017. *Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017) e-* ISBN: 978-967-2122-15-9

Kementerian kewangan Malaysia, 2017.

[http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/maklumat\\_bajet\\_kerajaan/2017/b64.pdf](http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/maklumat_bajet_kerajaan/2017/b64.pdf), akses 07 Julai 2018.

Mahasiswa UKM tuntutan pembaharuan institusi <https://www.change.org/p/kerajaan-persekutuan-malaysia-bebaskan-ukm-tuntutan-mahasiswa-ke-arrah-pembaharuan-institusi>, akses 11 Julai 2018.

Mohd Asmedi Bin Yaacob dan Zurina Binti Yasak. 2008. Pengaruh Penginapan ke Atas Disiplin Pelajar Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008, Universiti Teknologi Malaysia, 22-23Oktober 2008.

Murrel dan Denzine (1998). "Comunity College Residence Hall: A Hidden Treasure." Comunity College Journal of Research and Practice. 22(7).663- 674.